


Bersahabat dengan alam cyber



KECANG-
GIHAN
teknologi
hari ini sebenarnya
sudah melepasi tahap
yang kita tidak jang-
kakan. Perkembangan
yang begitu pantas
juga menyebabkan
berlaku satu perubah-
an besar pada gaya
hidup manusia. Segala
bentuk perhubungan
yang tradisional tidak
lagi dianggap relevan
pada masa kini, sebut
sahaja apa yang
diingini, semuanya di
hujung jari.

Keadaan ini bukan sahaja berlaku pada keinginan mendapatkan sesuatu seperti jual beli pakaian, makanan, perhubungan dengan kawan dan sebagainya. Tetapi teknologi yang sedang pesat seperti teknologi komunikasi ini turut menyumbang ke arah kemerosotan perhubungan antara manusia.

Hal sedemikian berlaku terutama remaja yang lebih leka menghabiskan masa melayan gajet dan aplikasi-aplikasi canggih yang terkandung di dalamnya jika berkelapangan. Bagi mereka, kawan tidak lagi diperlukan dan lebih baik berada dalam dunia sendiri daripada disakiti.

Namun begitu, dalam konteks bersahabat, walau secanggih mana pun kehidupan yang dilalui, walau sehebat mana pun menggunakan alat ciptaan manusia, walau sepanas mana teknologi menyusur masuk dalam jiwa, tetapi persahabatan era zaman seperti Rasulullah tetap perlu dijadikan pilihan.

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani menjelaskan, persahabatan yang baik adalah melibatkan sentuhan, bersemuka dan mempunyai nada percakapan agar berbekas di hati.

Katanya lagi, gajet tidak boleh dijadikan sahabat kerana gajet bukan berperasaan, tetapi yang kesannya adalah kita, menjadi hanyut dan ketagih dengan alat teknologi itu.

Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan, orang yang sering menghabiskan masa dengan gajet dan alam siber, dianggap cedera jiwanya. Jika sebelum ini kita sering mendengar cedera tubuh, tetapi sebenarnya jiwa yang tercedera lebih teruk, kerana melibatkan emosi.

Implikasinya perhubungan hablum minannas (hubungan sesama manusia) semakin berkurang dan kebanyakan



12 Ciri Sahabat Sejati

Menurut Imam Al Ghazali
(info tambahan)

1. Jika kau berbuat baik kepadanya, maka ia juga akan melindungimu.
2. Jika kau merapatkan ikatan persahabatan dengannya, maka ia akan membalas balik persahabatanmu itu.
3. Jika kau memerlukan pertolongan darinya, maka ia akan berupaya membantu sesuai dengan kemampuannya.
4. Jika kau menawarkan berbuat baik kepadanya, maka ia akan menyambut dengan baik.
5. Jika ia memperoleh suatu kebaikan atau bantuan daripadamu, maka ia akan menghargai kebaikan itu.
6. Jika ia melihat sesuatu yang tidak baik daripadamu, maka ia akan berupaya menutupinya.
7. Jika kau meminta sesuatu bantuan daripadanya, maka ia akan mengusahakannya dengan sungguh-sungguh.
8. Jika kau berdiam diri (karena malu untuk meminta), maka ia akan menanyakan kesulitan yang kamu hadapi.
9. Jika bencana datang menimpa dirimu, maka ia akan berbuat sesuatu untuk meringankan kesusahanmu.
10. Jika kau berkata benar kepadanya, nescaya ia akan membenarkanmu.
11. Jika kau merencanakan sesuatu kebaikan, maka dengan senang hati ia akan membantu rencana itu.
12. Jika kamu berdua sedang berbeza pendapat atau perselisihan faham, nescaya ia akan lebih senang mengalah demi menjaga persahabatan itu. **A**


remaja hanyut dalam dunianya yang tersendiri tanpa pedulikan manusia di sekeliling.

“Walaupun perkara ini nampak ringan dan sering dibincangkan sebelum ini, namun ia tetap juga tidak diberi perhatian yang serius oleh golongan yang terlibat. Sehingga kadang-kadang mereka tidak menyedari yang mereka sebenarnya telah ketagih alam siber.

“Kalau dalam konteks persahabatan, golongan muda pada hari ini tidak boleh memikirkan bahawa kawan tidak lagi diperlukan, cukuplah ada gajet. Tidak! Perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana persahabatan seumpama Rasulullah s.a.w praktik adalah relevan, tidak mengenal zaman, malah sampai bila-bila.”

Dr Zulkiple juga menegaskan, manusia perlu sedar, persahabatan yang baik ialah yang lahir daripada niat yang baik seterusnya sampai ke hati. Bukan boleh sewenang-wenangnya menjalinkan persahabatan, apatah lagi dengan menjadikan peralatan dan teknologi sebagai sahabat.

Namun bukan bermaksud perlu menolak sebarang kemajuan yang dicapai hari ini. Keadaan itu sebenarnya tidak salah, tetapi yang salahnya adalah manusia yang menggunakannya dengan tidak ke arah kebaikan dan sering menyalah gunakan teknologi tersebut.



Dr. Zulkiple Abd. Ghani

“Walaupun perubahan gaya hidup yang besar telah berlaku, tetapi kita sebagai pengguna harus pandai mengendalikan dan menguruskannya. Sepatutnya kita sebagai pengguna yang harus mengawal teknologi seperti media sosial, tetapi perkara sebaliknya yang berlaku pada hari ini.

“Justeru, pihak berwajib yang bertanggungjawab perlu menyekat dan mengawal keadaan ini daripada menjadi lebih teruk. Pun begitu harus juga mengambil peluang daripada kecanggihan teknologi ini sebagai satu method pengajaran dan kaunseling kepada pengguna,” katanya.

Dr. Zulkiple juga menerangkan, kita memerlukan lebih ramai ahli psikologi siber yang bertindak sebagai ‘pengajar’ atau pemberi nasihat kepada pengguna melalui alam siber. Antara contoh yang diberikan olehnya ialah, ahli psikologi siber ini boleh memuat naik video-video yang menerangkan tentang bahayanya ketagih alam siber di laman sosial agar video itu boleh ditonton dan dikongsi bersama para pengguna. Semestinya video yang dibuat itu mestilah menarik dan kena dengan jiwa anak muda sekarang.

“Para psikologi atau pihak berwajib tidak lagi boleh menggunakan teknik lama, iaitu menunggu di bilik agar ‘pelanggan’ datang menceritakan masalah. Tetapi mereka perlu turun padang mencari ‘pelanggan’ yang berpotensi untuk dipulihkan.” ujarnya. **A**